# BUKU PANDUAN RINGKAS
## IBADAH UMRAH

## PENGENALAN

Assalamualaikum...

Segala puji hanya bagi Allah, Tuhan semesta alam, selawat & salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, moga kita bersama mendapat syafaat Baginda di dunia & akhirat.

Buku “Panduan Ringkas Ibadah Umrah” ini merupakan bacaan sampingan yang mudah difahami buat semua golongan yang bakal dipanggil menjadi tetamu Allah.

Bacalah buku ini bagi menambah ilmu dan panduan bagi sesiapa yang berniat untuk menjadi tetamu Allah. Namun demikian sebaik-baik adab dalam menimba ilmu adalah dengan berguru. Bergurulah dengan mereka yang arif dalam Tafsir Al Quran dan Hadith. Taatlah kepada pemimpin yang berpegang pada Al-Quran & Sunnah.

Buku ringkas ini merupakan edaran percuma buat seluruh masyarakat Muslim. Bagi sesiapa yang ingin mendapatkan salinan buku ini atau ingin menginfaqkan dana operasi, boleh lah menghubungi pihak kami di akhir muka buku ini.

Mudah-mudahan usaha kecil ini dapat memberi manfaat buat semua ummat Islam. Wallahualam.

*“ALLAH TIDAK MEMANGGIL ORANG YANG MAMPU,*
*TETAPI ALLAH MEMAMPUKAN ORANG YANG TERPANGGIL”*

**Pengertian Umrah**

Menurut Bahasa: Ziarah
Menurut Istilah Syarak: Mengunjungi Baitullah (Kaabah) untuk mengerjakan ibadah umrah dengan niat dan syarat-syarat tertentu.

**Hukum Mengerjakan Umrah**

Umrah adalah wajib dilakukan sekali sahaja seumur hidup ke atas setiap orang yang mampu. Menurut Mazhab Syafie, kewajipan mengerjakan umrah ini boleh dilakukan bila-bila masa dalam kehidupan seorang Muslim.

**Kelebihan Menunaikan Umrah**

1. Ganjaran pengampunan dosa

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلاَّ الْجَنَّةُ

*"Daripada satu umrah ke satu umrah adalah penghapus dosa antara keduanya dan tidak ada balasan bagi haji yang mabrur (diterima) melainkan syurga"*
*(HR Al Bukhari dan Muslim)*

2. Menyamai pahala haji bagi umrah di bulan Ramadhan

فَإِنَّ عُمْرَةً فِيهِ تَعْدِلُ حَجَّةً

*"Umrah pada bulan Ramadhan senilai dengan haji."*
*(HR Muslim no. 1256)*

3. Menjadi tetamu agung kepada Allah

الْحُجَّاجُ وَالْعُمَّارُ، وَفْدُ اللَّهِ إِنْ دَعَوْهُ أَجَابَهُمْ
وَإِنِ اسْتَغْفَرُوهُ غَفَرَ لَهُمْ

*"Orang yang mengerjakan haji dan umrah adalah tetamu agung kepada Allah, sekiranya mereka memohon doa kepada-Nya nescaya Allah perkenankan doa mereka, sekiranya mereka memohon keampunan-Nya nescaya Allah ampunkan mereka".*
*(HR Al Nasa'iy dan Ibn Majah)*

**Persediaan Sebelum Ke Tanah Suci**

1. Mendekatkan diri dengan Allah seperti perbanyakkan istighfar, berzikir, membaca Quran dan berdoa agar Allah permudahkan perjalanan.
2. Melakukan senaman fizikal agar sentiasa sihat dan segar. Contohnya berjalan kaki sekurang-kurangnya 5km (seperti jarak berjalan semasa umrah).
3. Dapatkan nasihat doktor bagi yang mempunyai masalah kesihatan yang berat.
4. Menambah ilmu dan pengalaman-pengalaman dari orang-orang arif.
5. Belajar solat jenazah dan solat atas kapal terbang.
6. Selesaikan amanah, nafkah, hutang piutang.

**Perkara - Perkara Sunat Sebelum Menunaikan Umrah**

Memotong kuku, menanggalkan bulu ketiak, ari-ari, mengemas misai,janggut, rambut, mandi sunat ihram, memakai minyak rambut, memakai bau-bauan di tubuh sahaja.

**Cara Pemakaian Ihram**

**Ihram Lelaki**

**Ihram Wanita**

**RUKUN UMRAH (1. Niat > 2. Tawaf > 3. Saie > 4. Tahalul > 5.Tertib )**

**1. NIAT**

a. Berniat di dalam hati adalah rukun yang tidak boleh ditinggalkan. Jemaah akan berniat di tempat miqat yang telah ditentukan.

Jika dari Malaysia terus ke Mekah, jemaah perlulah berniat di atas kapal terbang semasa melintasi Qarnu Manazil atau Yalamlam. Juruterbang akan membuat pengumuman untuk jemaah berniat di miqat.

Manakala jika dari Madinah, jemaah perlu berniat miqat di Masjid Bir Ali.

Lafaz niat mengikut sunnah:

لَبَّيْكَ عُمْرَةً

*"Aku datang memenuhi panggilan-Mu untuk ibadah umrah"*

Bagi mereka yang khuatir tidak mampu melaksanakan umrahnya sampai selesai, terutama bagi mereka yang sakit atau takut, semasa niat ihram (talbiyahnya) agar menyebut bersama niat ihramnya sebutan berikut:

اللَّهُمَّ مَحِلِّي حَيْثُ حَبَسْتَنِي

"*Ya Allah halalkan di tempat Engkau halang kami".*

b. Perbanyakkan Talbiah semasa dalam berihram.

لَبَّيْكَ اللَّهُمَّ لَبَّيْكَ ، لَبَّيْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ لَبَّيْكَ
إِنَّ الْحَمْدَ وَالنِّعْمَةَ لَكَ وَالْمُلْكَ لَا شَرِيكَ لَكَ

"*HambaMu datang menyahut panggilanMu, Ya Allah, HambaMu datang menyahut panggilanMu. HambaMu datang menyahut panggilanMu, tidak ada sekutu bagiMu, HambaMu datang menyahut panggilanMu.Sesungguhnya segala pujian, nikmat dan pemerintahan adalah kepunyaanMu. Tidak ada sekutu bagiMu."*

c. **WAJIB** meninggalkan perbuatan pantang larang seperti di bawah semasa berihram sehingga habis umrah.

**PAKAIAN**

- Memakai pakaian bersarung atau berjahit/bercantum bagi lelaki.
- Menutup kepala seluruh atau sebahagianya bagi lelaki.
- Menutup muka bagi wanita.
- Memakai sarung tangan.

**KECANTIKAN**

- Menanggalkan bulu / rambut daripada mana-mana anggota badan.
- Mengerat /memotong kuku.

**WANGIAN**

- Memakai bau-bauan sama ada pada badan atau pakaian.
- Memakai minyak di kepala atau janggut.

**HUBUNGAN JANTINA**

- Melakukan mukadimah jimak.
- Melakukan jimak.
- Berkahwin mengahwinkan atau menerima wakil kahwin.

**ALAM SEKITAR**

- Memotong, mengerat atau mencabut pokok di Tanah Haram.
- Memburu haiwan buruan yang halal dimakan samada di Tanah Haram atau di Tanah Halal.

## 2. TAWAF

a. Niat dalam hati.

b. Syarat tawaf

i. Suci daripada hadas besar dan kecil (berwuduk).
ii. Suci daripada najis pada pakaian, badan dan tempat tawaf.
iii. Menutup aurat sebagaimana di dalam solat.
iv. Tawaf hendaklah dimulakan pada sudut Hajar Aswad.
v. Sewaktu berjalan melakukan tawaf, Baitullah hendaklah sentiasa berada di sebelah kiri bahu.
vi. Berjalan itu dengan tujuan tawaf.
vii. Cukup tujuh keliling dengan yakin.
viii. Tawaf itu hendaklah dilakukan di dalam masjid dan di luar dari bahagian Kaabah seperti Hijir Ismail dan Syazarawan.






1. HAJAR ASWAD
2. PINTU KAABAH
3. PANCURAN EMAS
4. SYAZARAWAN
5. HIJIR ISMAIL
6. MULTAZAM
7. MAQAM IBRAHIM
8. RUKUN HAJAR ASWAD
9. RUKUN YAMANI
10. RUKUN SYAMI
11. RUKUN IRAQI
12. KELAMBU KAABAH
13. GARISAN PERMULAAN TAWAF (BERWARNA COKELAT)

c. Perkara - perkara sunat semasa Tawaf dan selepas Tawaf

i. Idtiba' bagi lelaki sepanjang tujuh tawaf.
ii. Berjalan cepat bagi lelaki untuk 3 pusingan pertama.
iii. Menyentuh Rukun Yamani dengan tangan kanan.
iv. Menghadap Hajar Aswad ketika memulai tawaf dan mengangkat tangan sambil bertakbir ketika menghadap Hajar Aswad.
v. Istilam (mengusap) dan mencium Hajar Aswad (jika mampu).
vi. Tiada doa & zikir khusus sepanjang tawaf. Boleh berdoa, zikir dan membaca Al Quran.
vii. Membaca doa berikut antara Rukun Yamani dan Rukun Hajar Aswad :

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

*"Ya Allah kurniakan kami seluruh kebaikan ketika di dunia, dan seluruh kebaikan ketika di akhirat serta jauhkan kami dari api neraka"*
*(Al-Baqarah 2:201)*

viii. Solat 2 rakaat selepas tawaf di belakang Maqam Ibrahim.
ix. Minum air zamzam lalu menyiramkan air di atas kepala setelah selesai solat sunat 2 rakaat.

## 3. SAIE

a. Wajib berniat di dalam hati.

b. Syarat saie

i. Hendaklah dilakukan selepas melakukan Tawaf.

ii. Mulai daripada Bukit Safa dan disudahi di Bukit Marwah.

iii. Cukup tujuh kali dengan yakin, iaitu dikira dari Safa ke Marwah sekali dan dari Marwah ke Safa sekali.

iv. Hendaklah saie sehingga sampai ke penghujung tempat saie di Bukit Safa dan Bukit Marwah pada tiap-tiap kali.

v. Hendaklah saie di tempat yang ditentukan sekarang.

vi. Mengekalkan niat untuk bersaie sepanjang masa melakukan saie itu.

***Nota:***
*Tidak ada bacaan khusus semasa bersaie. Jemaah boleh berzikir, membaca Quran dan sebagainya.*

c. Perkara - perkara sunat semasa Saie

i. Semasa mendaki bukit Safa,baca ayat Al Quran:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمَرْوَةَ مِنْ شَعَائِرِ اللَّهِ

*"Sesungguhnya Safa dan Marwah itu dari syiar-syiar Allah"*
*(Al-Baqarah 2:158)*

ii. Dan seterusnya baca:

أَبْدَأُ بِمَا بَدَأَ اللهُ بِهِ

*"Aku memulakan dengan apa yang telah Allah mulakan"*
*(HR Muslim 4/40)*

iii. Apabila naik ke Bukit Safa (dan Marwah), sambil menghadap Kaabah (jika boleh, melihat Kaabah), takbir 3 kali dan seterusnya membaca:

لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ
يُحْيِي وَيُمِيتُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ
لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ أَنْجَزَ وَعْدَهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ وَهَزَمَ
الأَحْزَابَ وَحْدَهُ

kemudian berdoalah apa sahaja.
(Bacaan di atas beserta doa sendiri diulang sebanyak 3 kali )

iv. Berlari-lari anak di kawasan lampu hijau



## 4. TAHALUL

a. Bercukur botak atau memotong pendek rambut bagi lelaki. Lebih afdhal bercukur botak.

b. Bagi wanita cukup sekadar menggunting beberapa helai rambut.

b. Gunting rambut sendiri terlebih dahulu sebelum memotong rambut orang lain.

## 5. TERTIB

a. Menunaikan mengikut urutan bermula dengan niat, tawaf, saie dan tahalul.

**SENARAI SEMAK**

| Bil | Perkara | Hukum | √ |
|---|---|---|---|
| 1 | Mandi sunat ihram | Sunat | |
| 2 | Memakai pakaian Ihram | Wajib | |
| 3 | Sembahyang Sunat Ihram | Sunat | |
| 4 | Niat Umrah | Rukun | |
| 5 | Berniat di Miqat | Wajib | |
| 6 | Bertalbiah | Sunat | |
| 7 | Menjaga larangan Ihram | Wajib | |
| 8 | Tawaf Umrah | Rukun | |
| 9 | Saie Umrah | Rukun | |
| 10 | Bertahlul | Rukun | |
| 11 | Tertib Umrah | Rukun | |

**PENGENALAN SYARIKAT**

**SHAHMIE TRAVEL & TOURS SDN BHD (KPLKN 7301)**

Salam pengenalan buat semua dari kami di Shahmie Travel & Tours Sdn Bhd.

Alhamdulillah, dengan izin Allah kami telah berpengalaman mengendalikan pengurusan Ibadah Umrah sejak 6 tahun yang lepas dan syukur, kami juga menerima lesen Khas Umrah bagi menyambung usaha kami untuk membawa bakal tetamu Allah untuk mengerjakan ibadah Umrah dengan sempurna pada tahun-tahun akan datang

Untuk musim Umrah yang akan datang , kami menawarkan lokasi penginapan yang lebih dekat untuk jemaah kami pada harga yang amat menarik , ini bagi memberi kemudahan kepada jemaah mengerjakan Ibadah dengan selesa dan nilai terbaik untuk perbelanjaan jemaah

Pihak Kami boleh di Hubungi  di Talian 010-8008 303 (Ustaz Hafiz) untuk sebarang pertanyaan dan tempahan pakej Umrah 2019/2020

Terima Kasih

**Untuk Pertnyaan dan Tempahan :**
**http://bit.ly/umrahsafwa**

NO. SIRI
**KPK/LKU/SUB 0579**

No. Lesen:
**KPK/LN 7301**

# LESEN KHAS UMRAH

*Ini adalah untuk memperakui bahawa Syarikat*

**SHAHMIE TRAVEL & TOURS SDN BHD**

*beralamat di*

**A-17-2ND FLOOR, JALAN NAUTIKA A U20/A,**
**TSB COMMERCIAL CENTRE, SUNGAI BULOH,**
**40160 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

*adalah pada hari ini dilesenkan untuk mengendalikan aktiviti perniagaan berkaitan dengan Umrah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 dan semua peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya.*

*Lesen ini adalah sah sehingga* 30 *haribulan* OGOS **2019 bersamaan 29 ZULHIJJAH 1440 Hijrah** *melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu*

*MJKPPPRL pada* 3 *haribulan* **APRIL 2019**

DATUK ISHAM ISHAK
*Pesuruhjaya Pelancongan*

# Senarai Pakej Umrah dan Haji

## SHAHMIE TRAVEL & TOURS SDN BHD

Tempahan / Pertanyaan: 010 6000300 / 010 8008303

Tempahan / Pertanyaan: